

Bahagian A

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Apakah yang dilakukan oleh Sultan Muhammad Shah setelah mengasaskan Kesultanan Pahang pada tahun 1470? **(TP2)**
 A Memajukan perdagangan Kesultanan Pahang
 B Menjalinkan hubungan dengan Kesultanan Melaka
 C Melantik Bendahara
 D Mendirikan pusat pemerintahan
2. Kesultanan Perak diasaskan oleh keturunan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-16. Apakah bukti tersebut? **(TP2)**
 A Raja Muzaffar ditabal menjadi Sultan Perak
 B Sultan Mahmud Shah ditabal menjadi Sultan Perak
 C Raja Muzaffar adalah putera kerajaan Perak
 D Tun Saban merupakan pembesar Kesultanan Melayu Melaka
3. Di manakah pusat pemerintahan Kesultanan Perak yang pertama? **(TP2)**
 A Taiping
 B Kampar
 C Pasir Salak
 D Tanah Abang
4. Antara berikut, yang manakah alat regalia Sultan Perak? **(TP1)**
 I Tepak Sirih
 II Pedang Cura Si Manja Kini
 III Keris Taming Sari
 IV Nobat
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
5. Apakah yang dilakukan oleh Sultan Zainal Abidin III dalam pemodenan Kesultanan Terengganu? **(TP2)**
 I Menubuhkan pasukan tentera
 II Menubuhkan sekolah
 III Menggubal undang-undang tubuh
 IV Menubuhkan mahkamah syariah
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
6. Daeng Chelak atau Raja Lumu yang berketurunan Bugis telah ditabalkan menjadi Sultan Selangor. Siapakah yang mengiktiraf Raja Lumu sebagai Sultan Selangor? **(TP1)**
 A Sultan Perak
 B Sultan Terengganu
 C Sultan Pahang
 D Sultan Johor Riau
7. Apakah sumbangan Sultan Ala'iddin Suleiman Shah kepada Kesultanan Selangor? **(TP2)**
 A Memajukan pelabuhan Klang
 B Memindahkan pusat pemerintahan ke Jugra
 C Membina landasan kereta api
 D Membina lapangan terbang
8. Adat melenggang perut merupakan salah satu warisan Kesultanan Melayu Melaka. Mengapakah adat tersebut diamalkan dalam kalangan masyarakat? **(TP4)**
 A Proses menamakan bayi yang akan dilahirkan
 B Memastikan bayi dalam kandungan sihat
 C Membetulkan kedudukan bayi dalam kandungan
 D Acara kesyukuran sempena kelahiran bayi



Sejarah Ting. 2 Praktis 7 Kesultanan Melayu Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor

9. Mata wang digunakan di negeri Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor. Apakah persamaan mata wang yang digunakan di negeri Pahang dan Terengganu? **(TP1)**
 A Bongkah timah
 B Wang tampang
 C Kupang emas
 D Mata wang pitis
10. Mengapakah generasi masa kini perlu memelihara warisan tinggalan Kesultanan Melayu Melaka? **(TP3)** *Mengarotisi*
 A Menjamin keamanan negara
 B Membentuk identiti negara
 C Mewujudkan rasa bangga terhadap warisan Kesultanan Melayu Melaka
 D Membentuk masyarakat yang bertoleransi

Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis

Bahagian A

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Kerajaan Kedah diasaskan oleh raja yang datang dari Parsi.
Siapakah pengasas kerajaan Kedah? (TP1)
A Tunku Ahmad
B Maharaja Derbar Raja
C Tan Dermadewa
D Sultan Ibrahim
2. Apakah faktor yang menyebabkan kerajaan Kedah muncul sebagai pusat perdagangan dan negeri yang makmur? (TP2)
A Gunung Jerai
B Selat Melaka
C Kota pentadbiran
D Kota Sungai Mas
3. Pengasasan kerajaan Kelantan adalah hasil penyatuan dua wilayah, iaitu Kelantan Timur dan Kelantan Barat.
Siapakah yang menyatukan wilayah tersebut? (TP1)
A Cik Siti Wan Kembang
B Sultan Muhammad II
C Raja Bahar
D Long Yunus
4. Antara berikut, yang manakah benar mengenai pengasasan kerajaan Negeri Sembilan? (TP2)
I Diasaskan oleh Raja Minangkabau
II Pusat pemerintahan ialah Jempol
III Diasaskan oleh Raja Melewar
IV Naungan Kesultanan Johor Riau
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
5. Antara berikut, yang manakah daerah dalam kerajaan Negeri Sembilan? (TP2)
I Inas
II Gunung Pasir
III Seremban
IV Nilai
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
6. Siapakah yang mengiktiraf Syed Hussin Jamalullail sebagai pemerintah Perlis? (TP1)
A Kedah
B Siam
C Melaka
D Arab
7. Pada pandangan anda, mengapakah kerajaan Perlis menghantar bunga emas kepada Siam setiap tiga tahun? (KEBAT Merilai)
A Dasar kerajaan Perlis
B Lambang kemakmuran
C Mengukuhkan persahabatan
D Mengelakkan persengketaan
8. Hubungan diplomatik penting kepada kemajuan sesebuah kerajaan.
Apakah cara sesebuah kerajaan menjalin hubungan diplomatik dengan kerajaan luar? (TP1)
I Pendidikan
II Perdagangan
III Perkahwinan
IV Pengiktirafan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
9. Mengapakah kerajaan Perlis menjalin hubungan dengan negeri-negeri Melayu yang lain? (TP4) (KEBAT Manganalals)
A Tanda persahabatan
B Memperkukuh kedaulatan
C Memajukan ekonomi
D Meluaskan pengaruh wilayah
10. Kekayaan hasil bumi mendorong kepada hubungan perdagangan antara kerajaan. Sehingga hari ini negeri Kedah terkenal dengan hasil buminya, iaitu _____.
I beras
II kapur barus
III kayu gaharu
IV emas
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV